

Memulau Pertabalan Gabenor*



ATO' Onn yang membuka persidangan berkata:

Berkenaan dengan Kongres tergepar hari ini mula terbitnya daripada surat Dato' Setia Kelantan kepadanya beberapa hari yang lepas bertanyakan apakah langkah atau perjalanan nyata diambil berkenaan dengan Malayan Union kerana nampaknya Malayan Union itu tetap akan dijalankan oleh kerajaan British.

Saya telah menghantar kawat kepada Tuan Zaaba supaya memanggil wakil-wakil negeri seberapa yang dapat supaya hadir di Kuala Lumpur bagi berfikir apakah langkah dan jalannya hendak menguatkan bantahan kita. Pada hari Isnin akan datang ini bakal Gabenor Malayan Union akan sampai di Kuala Lumpur dan akan diadakan himpunan kerananya. Pada hari itu akan diadakan perjumpaan antara raja-raja dengan bakal Gabenor itu. Pada esoknya akan diadakan mesyuarat Penasihat Malayan Union bagi Gabenor itu.

Pada fikiran saya pada hari bertepatan dengan datangnya Malayan Union itu kita ambil dan jalankan perjuangan tidak bersenjata yang tersebut ini: (1) Diminta supaya raja-raja kita jangan hadir di dalam Majlis Mesyuarat Gabenor Malayan Union itu, (2) Diminta orang yang menjadi ahli Majlis Mesyuarat Penasihat menarik diri daripada majlis itu, (3). Ditetapkan supaya tiap-tiap orang pada satu hari bulan itu bergabung menunjukkan dukacita di atas kehilangan benda-benda yang kita kasihkan itu.

Sekali lagi saya mengingatkan kepada tiap-tiap wakil dan kepada tiap-tiap anak bangsa saya supaya jangan jadi seperti pepatah Melayu iaitu marahkan pijat-pijat kelambu dibakar. Hendaklah tiap-tiap langkah yang kita ambil janganlah sampai mengganggu dan

* Ucapan di Kongres Melayu Tergepar di Pejabat Akhbar Majlis, Batu Road, Kuala Lumpur dan di Kelab Peranakan Pulau Pinang, Batu Road, Kuala Lumpur, pada 30 dan 31 Mac 1946.

mendatangkan aniaya kepada bangsa kita sendiri. Tiap-tiap langkah yang kita ambil mestilah dijalankan oleh tiap-tiap orang yang berbangsakan dirinya daripada bangsa Melayu. Janganlah ada yang menjalankannya dan ada pula yang tidak menjalankannya kerana perbuatan yang demikian ini akan mendatangkan aniaya dan kesusahan kepada orang yang menjalankan langkahannya itu kerana langkah-langkah yang dijalankan itu ialah kerana semua. Hendaklah tiap-tiap langkah yang kita ambil dan langkahnya itu dijalankan dengan sekata dengan sepakat dan dengan serentak.

Saya berkata ini bukanlah sebagai Pengerusi tetapi ialah sebagai seorang ahli persidangan ini.

Saya hendak nyatakan di sini bagi pengetahuan ramai suatu runtingan yang telah diadakan di Johor Bahru pada hari yang lepas ini. Ahli-ahli *Senate Council* Johor telah menerima sepucuk kawat daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di London menyatakan dengan nasihat daripada Penasihat Raja-raja Melayu moleklah dijalankan suatu perintahan yang boleh membawa kepada kemajuan dan meminta sekiranya pihak *Senate Council* Johor itu dapat menyembahkan nasihat kepada negeri-negeri Melayu semuanya supaya negeri-negeri Melayu yang belum bersekutu itu masuk bersekutu menjadi suatu *Federation of Malay States* atau Persekutuan Negeri-negeri Melayu.

Daripada kawat Sultan Johor itu juga jika ada sokongan daripada lain negeri maka akan dihantar suatu *legal petition* yakni pendakwaan menurut undang-undang kepada Parlimen iaitu pihak Raja-raja dan rakyat menuntut diadakan *Federation of Malay States*, yakni Persekutuan Negeri-negeri Melayu. Dengan langkah ini terpaksa ditinggalkan Negeri-negeri Selat kerana tiada berkuasa Raja-raja Melayu ataupun *State-state Council* berkenaan negeri-negeri yang dimiliki oleh British dikecualikan pihak British suka hendak menyerahkannya.

Barangkali dengan jalan berunding dapat kita minta supaya Pulau Pinang dan Melaka dipulangkan balik kepada kita sebagaimana negeri Dinding telah dipulangkan kepada kerajaan Perak itu. Akan tetapi berkenaan Singapura payahlah kita hendak meminta supaya dipulangkan balik kepada kita.